



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **POHONKAN RAHMAT UNTUK SIMATI MELALUI SEMBAHYANG JENAZAH**

### **(Bilangan Kedua)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

#### **6. Doa bagi jenazah**

##### **(i) Doa selepas takbir ketiga.**

Selepas takbir ketiga hendaklah dibaca doa khusus untuk jenazah itu. Tidak memadai dengan hanya mendoakan mayat orang-orang yang beriman. Berdoa inilah sebenarnya tujuan utama dalam sembahyang jenazah, sebagaimana sabda Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*:

( )

**Bermaksud:** *“Apabila kamu sembahyang ke atas jenazah maka berdoalah untuknya dengan ikhlas.”*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Sekurang-kurang doa bagi jenazah lelaki selepas takbir ketiga ialah:

Jika jenazah itu perempuan:

**Ertinya:** *“Ya Allah, ampunkanlah dia dan rahmatilah dia.”*

Sunat memperbanyakkan doa untuk mayat selepas mengangkat takbir ketiga ini. Antara doa-doa yang *ma'tsur* yang pernah dibaca oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ialah seperti:

- Doa bagi jenazah lelaki:

**Ertinya:** *“Ya Allah, ampunkanlah dia dan rahmatilah dia, selamatkanlah dia, maafkanlah dia, muliakanlah tempat tinggalnya, luaskanlah tempat masuknya, mandikanlah dia dengan air salji dan air embun, bersihkanlah dia dari dosa-dosa sebagaimana engkau bersihkan pakaian putih dari kotoran. Gantikanlah baginya rumah yang lebih baik dari rumahnya, keluarga yang lebih baik dari keluarganya, isteri/ suami yang lebih baik dari isterinya/ suaminya, masukkanlah dia ke dalam syurga, lindungilah dia dari seksa kubur dan seksa (api) neraka.”*

Boleh juga ditambah dengan doa berikut:

**Maksudnya:** *“Ya Allah, inilah hambaMu, anak kedua orang hambaMu, yang telah keluar dari kesenangan dunia, keluasannya, semua yang disukainya di dunia, dan orang-orang yang dikasihinya di dunia, menuju kegelapan alam kubur dan semua apa yang akan dia jumpai di dalamnya. Dia telah bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Engkau, dan bahawa Muhammad adalah hamba dan RasulMu. Engkau lebih mengetahui tentangnya. Ya Allah, sesungguhnya dia beristirahat di sisiMu, dan Engkaulah sebaik-baik tempat untuk beristirahat baginya. Kini dia sangat memerlukan rahmatMu, dan Engkau Maha Kaya dari mengazabnya. Sesungguhnya kami datang kepadaMu dengan penuh harapan kepadaMu, (memohon) syafaat baginya. Ya Allah, jika dia adalah orang yang baik, maka tambahkanlah pada kebajikannya, jika dia bukan orang yang baik-baik, maka maafkanlah dia, berikan dia dengan rahmatMu keredhaanMu, peliharalah dia dari fitnah kubur dan siksananya, lapangkanlah dia di dalam kuburnya, renggangkanlah tanah dari kedua sisi tubuhnya, serta limpahkanlah dengan berkatMu rasa aman kepadanya dari siksaMu, sehingga Engkau mengirimbkannya ke*

*SyurgaMu, wahai Yang Maha Pengasih di antara yang mengasih.*”

Boleh juga ditambah lagi dengan doa berikut:

**Ertinya:** *“Ya Allah, ampunkanlah bagi orang-orang yang hidup dan bagi orang-orang yang mati dari kalangan kami, kanak-anak, orang-orang dewasa, kaum lelaki, kaum wanita, orang-orang yang hadir, orang-orang yang ghaib (tidak hadir bersama-sama kami), Ya Allah, siapa yang Engkau hidupkan dari kalangan kami, maka hidupkanlah dia di jalan Islam, dan siapa yang Engkau matikan dari kalangan kami, maka matikanlah dia dalam iman.”*

- Doa bagi jenazah perempuan:

Boleh juga ditambah lagi dengan doa berikut:

Boleh juga ditambah lagi dengan doa berikut:

- Doa bagi jenazah kanak-kanak lelaki:

Selain doa di atas untuk jenazah orang dewasa sama ada lelaki dan perempuan ia juga boleh dibacakan untuk jenazah kanak-kanak lelaki dan perempuan dan boleh ditambah lagi dengan doa berikut:

**Ertinya:** *“Ya Allah, jadikan dia mayat kanak-kanak ini sebagai suatu pendahuluan bagi kedua ibu bapanya, pertaruhan dan simpanan (pahala), beratkanlah dengannya timbangan (amal baik) kedua (ibu bapanya), curahkanlah kesabaran pada hati kedua (ibu bapanya), janganlah Engkau menguji kedua (ibu bapanya) selepasnya, dan janganlah Engkau menghalangi kedua (ibu bapanya) daripada mendapat pahalanya.”*

- Doa bagi jenazah kanak-kanak perempuan:

(ii) Doa selepas takbir keempat.

Selepas takbir keempat sunat pula dibaca doa, sekurang-kurang doa bagi jenazah lelaki ialah:

- Jika jenazah itu perempuan:

**Ertinya:** *Ya Allah, janganlah Engkau menghalangi kami dari mendapat pahalanya dan janganlah Engkau menguji kami selepasnya."*

## 7. Mengucapkan salam

Setelah selesai dari semua takbir dan zikir-zikir dalam sembahyang jenazah hendaklah mengucapkan salam.

### **Orang yang lebih utama menjadi imam dalam sembahyang jenazah**

Orang yang paling utama menjadi imam dalam sembahyang jenazah ialah ayah jenazah dan kemudian datuknya. Kemudian baharulah anaknya, kemudian cucu lelakinya, kemudian adik beradik lelakinya yang seibu-sebapa, kemudian adik beradik lelakinya yang sebapa, kemudian anak adik beradiknya lelaki yang seibu sebapa, kemudian anak adik beradiknya lelaki yang sebapa, kemudian 'ashabah iaitu keluarga sebelah bapa mengikut urutan

ahli waris seperti adik beradik bapanya, anak dari adik beradik bapanya dan seterusnya ahli keluarga yang terdekat seperti adik beradik neneknya sebelah emak, kemudian adik beradik neneknya sebelah bapa dan seterusnya.

Walaupun sembahyang jenazah ini hukumnya fardhu kifayah dan tuntutan melakukannya memadai dengan dilakukan oleh sebahagian orang Islam sahaja, akan tetapi mereka yang datang menziarahi saudaranya yang meninggal dunia tidak seharusnya hanya memerhatikan dan membiarkan hanya sebahagian daripada mereka yang melakukan sembahyang jenazah. Mereka yang hadir wajar ikut serta melakukannya sebagai salah satu amalan untuk memohonkan rahmat buat saudara kita yang telah meninggalkan kita. Janganlah sampai perkara kurang pandai untuk melakukan sembahyang jenazah itu menjadi alasan untuk tidak menyertai melakukan sembahyang jenazah kerana sembahyang jenazah itu bukanlah suatu perkara yang susah dan mudah dipelajari dalam masa yang singkat. Bukankah elok dan lebih baik jika sembahyang jenazah itu dilakukan dengan lebih ramai jemaahnya.

Kelebihan sembahyang jenazah dengan beramai-ramai itu, disamping mendapat pahala bagi orang yang melakukannya ia juga boleh meringankan azab jenazah di alam kubur dengan permohonan rahmat dan keampunan daripada doa yang kita baca dalam sembahyang jenazah itu. Rasullullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda dalam sebuah hadits:

( )

**Maksudnya:** “Tidak dari seorang lelaki Islam mati, lalu didirikan sembahyang jenazah ke atas mayatnya itu oleh empat puluh orang lelaki yang tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu (yang lain) melainkan Allah memberikan ke atas mereka itu syafaat baginya (*simati*).”

(Hadits riwayat Abu Daud)